

DAESH: KEBANGKITAN DAN PENGARUH MEDIA SOSIAL

AHMAD SAUFFIYAN ABU HASSAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Abad ke 21 menyaksikan video dan media sosial menjadi senjata perangsaif terbaru kumpulan militan untuk membina pengaruh, pengrekrutan dan mengukuhkan ideologi mereka di rantau ini. Selain itu, video dan media sosial juga digunakan sebagai instrumen untuk membuat ancaman terhadap negara-negara yang tidak bersetuju dengan kewujudan mereka. Penggunaan video dan media sosial secara profesional oleh kumpulan militan ini adalah satu fenomena baru. Kesannya, Malaysia kini di ambang kebimbangan ekoran ancaman demi ancaman dari kumpulan militan Asia Tenggara seperti Daesh yang mahir menggunakan teknologi maklumat untuk memenangi perperangan ideologi. Walaupun keadaan masih terkawal namun langkah keselamatan ketat sentiasa menjadi keutamaan kerajaan Malaysia. Kajian ini melaporkan bentuk keupayaan kumpulan militan Daesh dalam melancarkan perangsaif menggunakan video dan media sosial ke atas rakyat dan kerajaan Malaysia untuk dua tujuan berbeza iaitu pengaruh dan ancaman. Walaupun jelas kerajaan menguasai keseluruhan agensi berita dan media arus perdana, namun penyebaran maklumat dalam bentuk video di media sosial menjadi cabaran baru kepada Malaysia. Analisis laporan berita terkini menjadi punca rujukan utama yang terkini. Buku dan jurnal berwasit juga telah digunakan bagi mengukuhkan kredibiliti kandungan. Kesimpulan yang diperolehi dari kajian ini mendapati Malaysia masih lagi mencari formula, model dan pelan tindakan yang sesuai bagi membasmi ancaman video Daesh yang bermaharajalela di media sosial. Kajian juga mendapati akar kepada punca ancaman ini masih belum dapat dipatahkan oleh agensi bersenjata dan undang-undang sedia ada kerana pusat media yang menghasilkan video Daesh tidak berada di Malaysia sebaliknya berada di kawasan konflik seperti di Iraq dan Syria. Akhir sekali, kajian juga mendapati, laporan berita dari media arus perdana yang menggunakan platform media sosial memainkan peranan sebagai pemangkin tidak langsung kepada penyebaran ideologi Daesh.

Kata kunci: *Daesh, Malaysia, media sosial, video, pengganas, terorisma*

DAESH: AN EMERGING THREAT AND SOCIAL MEDIA INFLUENCE

Abstract

The 21st century had witnessed the rise of media psychological war using social media platforms as the new weapon for militant group to build influence, recruitment and strengthen their ideology in the global world. Professional use of social media by militant group is a new and emerging trend. This research specifically looks at Daesh involvements in the social media and how they have used it to advance their motives. Such phenomenon had made Malaysia's national security on the verge of uncertainty. Although the situation is currently deemed under control, the Malaysian government remains vigilant and at the same time advancing tight security measures where necessary. The Malaysian government is still in control of every information flow from local news agencies to the domestic mainstream media. However, in the borderless

world of social media, controlling the distribution of militant ideology is a new problem. Analysis of current news reports will be the prime research activity. Besides that, books and academic referred journals are also used to strengthen the credibility of the research content. Finally, this research concludes that Malaysia are still in the development stage of constructing feasible formula, model, and action plan to exterminate Daesh threats that are robustly fertile in the social media world. Furthermore, the roots of Daesh threat remain unreachable to the Malaysian armed forces fire power and immune to the Malaysian laws due to geopolitical distance that situated deep in the unreachable conflict zone of Iraq and Syria. Conclusively, this research suggests that simplifying the complex problem of terrorism in the social media realm is not advisable. As information and communication technologies advances, terrorist group will learn to evolve and adapt to the newly developed media environment. Realizing the power of video and social media is the government starting point to understand how it can be used against Daesh's terror game plan. Perhaps, a new psychological warfare narrative in social media should be the key. Malaysia needs to get into same playing field to counter Daesh's propagandas in the social media which continue to influence and encourage the breeding of militant and terrorist fanatics in Malaysia.

Keywords: *Daesh, Malaysia, social media, video, militant, terrorism*

PENGENALAN

Kebelakangan ini terlalu banyak ideologi yang ciri-cirinya berbentuk fahaman keras dan radikal ataupun ekstrem, bahkan berpotensi mempengaruhi masyarakat sekeliling kepada tindakan-tindakan yang melampaui batas. Ia termasuklah berbentuk provokasi, ugutan, keganasan, penculikan, penderaan, rampasan, perang, pengeboman, pembunuhan dan sebagainya. Terdapat sebilangan masyarakat dunia luar terutamanya Barat begitu fokus melabelkan kelompok Muslim sebagai pengganas, dengan gelaran terrorist (teroris) mahupun extremist (ekstremis atau radikal). (Yaakob & Long, 2015; hlmn. 58).

Ancaman kumpulan militan bukan sesuatu yang baru pada Malaysia. Negara ini mempunyai pengalaman menghadapi insurgensi Komunis pada tahun 1948 – 1960. Kemudian, diikuti pula ancaman dari kumpulan Al-Qaeda dan sekutunya di rantau Asia Tenggara.... Walaubagaimanapun, sehingga kini Malaysia masih selamat dari sebarang serangan kumpulan pengganas disebabkan kemampuan pasukan Polis DiRaja Malaysia dalam menumpaskan mereka dengan efektif (Sibalinggam, 2016).

Jelas sekali kebangkitan kumpulan pengganas di Malaysia bukan perkara baru dan Malaysia sudah pun mempunyai pengalaman yang banyak dalam mematahkan gerakan pengganas. Namun yang menjadi igauan ngeri hari ini adalah keupayaan kumpulan pengganas yang tahu menggunakan video dan media sosial secara profesional untuk menyebarkan ideologi mereka di rantau ini. Secara spesifiknya, dalam kajian ini, kumpulan pengganas yang dimaksudkan adalah kumpulan yang dikenali sebagai Daesh.

Selepas 15 tahun tragedi 9/11 yang menimpa Amerika Syarikat dunia kini digegarkan dengan kemunculan kumpulan pengganas yang bukan sahaja ganas, sadis dan kejam malah telah berevolusi menjadi kumpulan pengganas yang celik teknologi maklumat. Keputusan George W. Bush dalam operasi unilateral menyerang Afghanistan dibawah pretek memburu Taliban dan Osama bin Laden bukan sahaja gagal malah telah menyebabkan kehancurkan negara, harta benda dan khazanah sejarah di Afghanistan. Keputusan tersebut juga tidak menjadikan dunia lebih aman. Selepas 15 tahun berlalu operasi ini telah membina rasa kebencianan di kalangan masyarakat Afghanistan dan seterusnya mereka mengangkat senjata sebagai simbolik kepada protes penjajahan negara *Uncle Sam* ke atas dunia Timur Tengah. Amerika Syarikat nyata tidak mengambil iktibar dari pengalaman tentera Soviet yang gagal mengalahkan militia Mujahidin sekitar tahun 1980an yang akhirnya menyebabkan Kesatuan Soviet bankrap.

Daesh pula di satu sudut seperti dalam hipnosis sedang berlawan api dengan api. Melakukan pembunuhan sebagai galas ganti insiden pengeboman dan pembunuhan tentera bersekutu dan memuatnaik video aktiviti mereka ke media sosial. Amerika Syarikat yang mahir memanipulasi media telah menggunakan video kejam Daesh sebagai alat yang menyembunyikan kekejaman mereka ke atas negara Afghanistan, Iraq, Libya, dan Syria yang kini menjadi padang jarak padang tekukur. Kewujudkan Daesh mempunyai sejarah yang panjang dan permulaan kepada babit-babit kewujudan Daesh boleh diperincikan terlebih dahulu bermula pada tahun 2001.

Secara egonya, tragedi 11 September 2001 telah mencalarkan imej agresif Amerika Syarikat sebagai kuasa veto dunia. Jadi demi memperbetul keadaan ini, kurang sebulan selepas tragedi yang menimpa *World Trade Center* iaitu pada 7 Oktober 2001, Amerika Syarikat,

bersama *North Atlantic Treaty Organization* (NATO), Pakistan dan 43 negara dunia lain di bawah panji *International Security Assistant Force* (ISAF) telah bersama-sama dalam misi untuk menghancurkan Taliban dan Osama bin Laden. Kesannya, walaupun selepas 15 tahun operasi mereka gagal mengalahkan Taliban. Menurut Hafemeister (2016), secara politiknya Taliban sudah dikalahkan tapi secara ketenteraan belum lagi. Hanya dengan kem tentera Amerika Syarikat yang luas dan kekuatan tentera domestik yang besar mampu memperbaiki masalah ini. Namun, untuk Amerika Syarikat menghantar lagi jumlah tentera yang besar ke Afghanistan di masa hadapan mungkin tidak akan berlaku.

Jelas, operasi menyerang Afghanistan yang diketuai oleh Amerika Syarikat telah gagal kerana Taliban masih berkuasa dari aspek ketenteraan dan pada bila-bila masa sahaja mereka boleh mendatangkan bahaya kepada askar-askar Afghanistan yang dibentuk dan juga ancaman kepada rakyat amnya. Selain itu, selama 15 tahun juga kita dapati tidak ada pengganas Taliban yang mengulangi serangan ala *kamikazi* ke atas bangunan lain di Amerika Syarikat. Sepanjang tempuh ofensif ke atas Afghanistan, Amerika Syarikat berada di dalam keadaan yang aman dan tenteram. Cuma sekali sekala berita arus perdana mereka melaporkan insiden tembakan oleh rakyat kulit putih dan ia biasanya diklasifikasi sebagai kes masalah mental bukan pengganas. Satu keironian juga apabila BBC News melaporkan pada 5 Januari 2016 bahawa sejak tahun 1986 hingga 2011 kematian tembakan rambang telah meragut sehingga 1.4 juta rakyat Amerika Syarikat berbanding hanya 1.2 juta kematian sejak *War of Independence* hingga ke operasi di Iraq. Perang dan tembakan rambang adalah dua bentuk keganasan yang perlu ditangani segera namun dengan memberi penekanan kepada isu ini, maka kita harus sedar bahawa keganasan sebenar bukan berpunca dari agama Islam sebaliknya ia berpunca dari manusia itu sendiri. Berbilion *dollar* telah dibelanjakan untuk operasi melawan pengganas yang berada jauh di Timur Tengah, Asia Barat dan Asia Tenggara sedangkan keganasan yang lebih kerap terjadi di negara Amerika Syarikat sendiri adalah kes tembakan rambang.

Jadual 1: Perbezaan Kematian Dalam Peperangan dengan Kes Tembakan Domestik

| Peperangan | Statistik Kematian | Kes Tembakan Domestik | Statistik Kematian |
|------------|--------------------|-----------------------|--------------------|
| | | 1968 – 1980 | 377,000 |

| | | | |
|---------------------------|-----------|-------------|-----------|
| Perang Revolusi | 4,435 | 1981 – 1998 | 620,525 |
| Perang Tahun 1812 | 2,260 | 1999 – 2010 | 364,483 |
| Perang Mexican | 13,283 | 2011 | 32,163 |
| Perang Sivil | 525,000 | | |
| Perang Sepanyol – Amerika | 2,446 | | |
| Perang Dunia I | 116,516 | | |
| Perang Dunia ke II | 405,399 | | |
| Perang Korea | 36,574 | | |
| Perang Vietnam | 58,220 | | |
| Perang Teluk Parsi | 383 | | |
| Perang Afghanistan | 2.175 | | |
| Perang Iraq | 4,486 | | |
| Jumlah | 1,171,177 | Jumlah | 1,384,171 |

Sumber: politifact.com, *American War and Military Operations Casualties: Lists and Statistics, 2015*
dan statistik kematian dalam operasi di Iraq sehingga 2011 dari icasualties.org

Jelas sekali jadual di atas menunjukkan rangkuman statistik kematian rakyat Amerika Syarikat di medan perang dan juga kematian tembakan domestik. Angka peperangan mencatatkan kematian sebanyak 1,171,177 juta mangsa manakala kematian tembakan domestik adalah sebanyak 1,384,171 juta mangsa. Perbezaan sebanyak 212,994 orang lebih tinggi dalam kes tembakan domestik. Ini secara amnya adalah petunjuk kepada kerajaan Amerika Syarikat untuk memberi lebih perhatian kepada kematian domestik dari kematian yang disebabkan oleh penganas atau gerakan militan. Sebenarnya juga, jika Amerika Syarikat tidak mencipta dasar luar negara yang agresif, kematian dalam peperangan menjadi jauh lebih rendah. Campur tangan pihak Amerika Syarikat ke dalam konflik dunia bukan sahaja membunuh rakyat sendiri, lebih dari itu, Amerika Syarikat telah menjadikan negara-negara ini sarang penganas dunia. Ia bukan sahaja membahayakan bangunan-bangunan agam, di New York, kini isu penganas membahayakan negara lain seperti nyawa pelancong di Sabah dengan kes penculikan dan pembunuhan oleh kumpulan penganas seperti Abu Sayyaf dan seangkatannya yang pasti mudah berintegrasi dengan Daesh atas dasar ideologi yang serupa.

DAESH

Daesh, sebuah gerakan kumpulan penganas yang tidak memerlukan ketua atau pemimpin tetap. Kematian pemimpin atau ketua tidak memberi kesan terhadap operasi Daesh di serata dunia

mahupun dalam dunia maya. Sebuah gerakan yang adaptif kepada persekitaran. Mampu melantik ahli mengikut kesesuaian geopolitik sesuatu tempat. Kumpulan yang tidak boleh di ajak berunding atau berbincang untuk hubungan diplomasi dua hala. Ekonomi berasaskan rompakan dan dana sumbangan dari para simpati. Beroperasi di kawasan merbahaya yang sukar di tembusi oleh pasukan khas dan elit dunia. Sehingga kini tidak ramai wartawan yang mampu menjelaki mereka ke dalam teras kumpulan ini dan menemuramah mereka. Kalau ada pun dia pasti bukan seorang kulit putih dari Amerika Syarikat seperti wartawan Jerman bernama Jürgen Todenhöfer yang menjadi lelaki barat kulit putih pertama yang berjaya masuk ke dalam kawasan kawalan Daesh di Mosul dan Raqqa pada tahun 2016. Itupun dia perlu memeluk Islam dan menggunakan nama Islam iaitu Abu Qatadah sebagai teknik mengkaburi mata Daesh untuk tidak dibunuh.

Pokoknya, Daesh mahu membunuh sesiapa sahaja yang berada di laluan mereka dengan pelbagai cara yang kejam hingga kartel dari Mexico ingin menuntut dari mereka. Daesh juga dikenali dengan gerakan yang membawa sepanduk bewarna hitam sebagai warna rasmi dan berusaha ke arah penubuhan Negara khilafah Islam dan seterusnya mengalahkan Negara barat dan sekutunya dengan AK-47, *Rocket-Propelled Launcher* dan kereta Humvee hadiah dari Amerika Syarikat yang dicuri dari tentera Iraq.

Sebelum dikenali sebagai Daesh kumpulan ini digelar dengan pelbagai gelaran lain. Menurut York (2015), dalam bahasa Arab kumpulan ini dikenali sebagai *ad-Dawlah al-Islamiyah fil-Iraq wash-Sham*, iaitu nama yang menjurus kepada singkatan gelaran Da'ish, Da'eesh atau Daesh dalam sebutan bahasa Arab. York (2015) menambah lagi, kebanyakan komuniti Islam dan bukan Islam melihat kumpulan ini tidak mewakili agama Islam sebenar (hlm. 1). Walaubagaimanapun, di Malaysia, kumpulan Daesh lebih dikenali sebagai Katibah Nusantara. Menurut Armandhanu (2016), seorang pemerhati terorisme dari Universitas Indonesia iaitu Ridlwan Habib berkata, Katibah Nusantara adalah masyarakat berbahasa Melayu untuk kumpulan Daesh di Asia Tenggara. Anggotanya terdiri dari rakyat Malaysia, Indonesia dan Filipina Selatan.

Selain itu Daesh sebelum ini juga dikenali dengan empat nama yang popular iaitu *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS), *Islamic State of Iraq and Levant* (ISIL), *Islamic State* (IS) dan Daesh. Nama ISIS adalah nama yang digunakan ketika kumpulan itu menawan Bandar ke dua terbesar di Iraq iaitu Mosul pada bulan Jun 2014 dimana hanya dengan kekuatan 800 ahli, Daesh berjaya mengalahkan 30,000 askar Iraq yang dilatih oleh Amerika Syarikat. Nama ISIL pula adalah gelaran popular yang digunakan oleh Barack Obama. Nama IS pula adalah nama penjenamaan semula oleh kumpulan ini sebagai strategi global menjangkaui operasi kawasan selain Iraq dan Syria, secara spesifiknya ke benua Asia Tenggara. Nama Daesh pula adalah sebutan *Islamic State* dalam bahasa Arab iaitu Daulah Islamiyah yang disngkatkan. Walaupun mempunyai perbezaan nama namun mereka adalah dari kumpulan pengganas yang sama dengan objektif menegakkan Islam di bumi Iraq dan Syria serta melawan penjajahan Amerika Syarikat dan sekutunya di bumi Asia Timur dengan cara paling ganas dan kejam.

Realitinya gerakan Daesh terdiri dari orang Islam berfahaman Sunni namun gerakan ini tidak mewakili semua orang Islam beraliran sama dan ia telah menerima kecaman hebat dari semua negara dalam dunia. Menurut Bolanos (2016), Ban Ki-moon berkata, seluruh ketua Negara Islam bersetuju bahawa kumpulan seperti ISIL – atau Daesh – tiada kaitan dengan Islam and mereka (Daesh) sememangnya tidak mewakili sebarang negara. Asasnya, Daesh adalah gerakan pengganas yang berpaksi kepada aktiviti keganasan. Daesh adalah kesan dari penjajahan Amerika Syarikat ke atas Iraq pada tahun 2003 melalui operasi *Shock and Awe* yang di label sebagai operasi pembebasan rakyat Iraq dari pemerintahan kuku besi parti Baath oleh Saddam Hussein juga dikenali sebagai *Iraqi Freedom* di bawah falsafah demokrasi dan alasan untuk memusnahkan senjata pemusnah sangat pada 2003. Namun sehingga 2011 operasi ini telah mengakibatkan 114212 nyawa kanak-kanak, bayi, ibu bapa, suami isteri dari kalangan rakyat Iraq ke alam barzakh tanpa izin mereka.

Ironinya operasi *shock and awe* yang menghancurkan Bagdad, Mosul dan Kirkuk telah menjadi inkubator kepada kelahiran kumpulan pengganas Daesh pada tahun 2013 di Syria dan 2014 di Iraq. Mesin masa belum dibina dan kita tidak boleh kembali ke zaman silam untuk menghalang Amerika Syarikat dari menghancurkan Iraq yang sememangnya sudah hancur dari

aspek ekonomi dan kewangan pada 2003 kerana tekanan embargo sejak tahun 1990 yang dibuat oleh bapa demokrasi dunia iaitu Amerika Syarikat. Namun, apa yang kita mampu lakukan hari ini adalah memikirkan cara untuk menghalang ideologi Daesh dari terus tersebar ke dalam sanubari rakyat Malaysia daripada menjadi pengikutnya.

Dari segi jumlah pula, pejuang asing yang berperang bersama Daesh dianggarkan sekitar 30,000 hingga 40,000 orang. Menurut Alazeg (2016), Daesh telah membuktikan kemampuan mereka dengan merekrut dan menarik pejuang asing yang berjumlah sekitar 30,000 hingga 40,000 orang. Daesh juga telah membuktikan kebolehan mereka untuk menggantikan pejuang yang mati yang mana menurut laporan pihak berkuasa Amerika Syarikat sekitar 10,000 orang.

Youtube merupakan medium utama dalam menghasilkan kandungan video, di mana ia boleh menjadi alat pemasaran yang paling berkuasa. Sejumlah perniagaan cuba untuk mencipta kandungan video yang mampu menjadi viral namun peluang untuk memenuhi objektif tersebut adalah tipis. Sebaliknya, lebih baik mencipta kandungan yang berguna seperti video-video *how-to* dimana video jenis ini akan dirankingkan dalam sistem pencarian Google (Reddy & Lavanya, 2015).

Ledakan media sosial adalah fenomena baru. Penggunaan video contohnya, lebih efektif dan untuk menangkap perhatian penonton. Pengetahuan ini kini menjadi pengetahuan am bidang komunikasi dan ia bukan sahaja difahami oleh golongan korporat, ahli politik dan ahli akademik malah, golongan pengganas seperti Daesh juga memahaminya. Pokoknya, Daesh memahami perubahan dunia hari ini yang mana masyarakat dunia kini lebih berorientasikan visual. Dengan kejatuhan Mosul pada 2014, Daesh juga telah menguasai sebuah gedung ilmu yang mampu memantapkan operasi propaganda mereka. Gedung ilmu tersebut adalah Universiti Mosul, Iraq. Melalui universiti ini, Daesh kini mampu menggunakan kepakaran, rujukan dan tenaga pelajar-pelajarnya untuk memperkemas mesej yang mereka hendak sampaikan ke dunia global. Video seperti *Flames of War: The Fighting Has Just Begun* yang berdurasi 55 minit, menggunakan jurubahasa Inggeris berdialek Amerika memaparkan kejayaan operasi Daesh berkekuatan 20 hingga 30 orang yang berjaya menawan Divisyen ke 17 Askar Syria seramai 800 orang. Di

sebalik unsur keganasan, dokumentari ini juga berjaya menyelitkan elemen romantik dan sentimental bagi menimbulkan rasa yakin di kalangan penontonnya.

Menurut Profesor Ryan Mauro seorang penganalisis dari *The Clarion Project* berkata dokumentari Daesh ini menggunakan imej-imej romantik yang dipilih secara baik untuk memujuk golongan muda yang kesunyian dengan paparan mujahideen memenangi pertempuran, retorik anti Amerika, penggunaan *stop motion* dan *slow motion* yang baik dan penggunaan kesan khas seperti *bullet-time* digabung dengan sedutan berita yang menarik.

Namun, jika kita membaca laporan berita dari barat yang berbahasa Inggeris pasti kita akan dapati mereka hanya menulis alasan Daesh menguasai Universiti Mosul adalah untuk membina bom kimia, nuklear dan sebagainya. Laporan begini adalah tidak tepat. Contohnya, laporan dari *The Wall Street Journal* bertarikh 1 April 2016 bertajuk *Islamic State Hijacks Mosul University Chemistry Lab for Making Bombs* diterbitkan dan apabila dibaca, pembaca akan mendapati tidak jelas samada universiti ini benar-benar digunakan sebagai tempat menghasilkan bom nuklear. Sebaliknya laporan tersebut memetik kata-kata Kolonel Steve Warren jurucakap tentera Amerika Syarikat di Iraq yang berkata, “kita tahu Daesh menggunakan sebahagian dari bangunan tersebut untuk tujuan kententeraan dan sebab itu ia dibom”. Jelas disini tiada bukti universiti digunakan untuk tujuan menghasilkan bom nuklear sebaliknya lebih tepat jika dikatakan universiti ini dijadikan tempat menghasilkan video propaganda Daesh di mana ayat ini boleh disandarkan kepada video-video propaganda Daesh yang muncul dengan banyak dalam pelbagai bahasa di media sosial.

Selain itu, ahli akademik juga terlibat dengan penulisan yang dipengaruhi agenda Amerika Syarikat contohnya, Dr. Adil Rasheed (2015) bukunya bertajuk *ISIS: Race to Armageddon* di halaman 100 menulis bahawa “telah dinotakan bahawa selepas ISIS menguasai Bandar Mosul, sebanyak 88 pounds bahan nuklear telah hilang dari universiti Mosul. Kemudian pada Disember 2014, ISIS mendakwa mereka memiliki bom nuklear dan mempunyai pelan keganasan terhadap bandar London”. Namun, jika diteliti nota kaki yang digunakan oleh Dr. Adil Rasheed (2015) mendapati, sumber maklumat yang diperolehi adalah dari akhbar tabloid

dalam talian dikenali sebagai *The Daily Mirror*. Akhbar tabloid ini mempunyai masalah reputasi ketepatan laporan berita yang serius dimana ia pernah disaman oleh Makamah Tinggi England dan Wales. Selain itu, akhbar ini juga pernah melaporkan imej palsu mengenai tindakan askar British menyeksa tahanan Iraq dan kes ini telah menyebabkan editornya Piers Morgan dipecat pada 2004.

Jika benar Daesh sudah memiliki bahan nuklear belum tentu mereka dengan mudah mampu menghasilkan bomb nuklear. Ini kerana keperluan fasiliti canggih untuk membina dan menjaga bahan nuklear bukanlah mudah dan secara logiknya Daesh tidak mempunyai keupayaan tersebut. Sebagai contoh senjata nuklear memerlukan proses elemen atom mencapai tahap keadaan yang dikenali sebagai ‘supercritical mass’. Selain itu, sejak Daesh dianggap memiliki bahan nuklear pada 2014 namun sehingga tahun 2016, tiada lagi serangan nuklear dari mereka. Sebaliknya hanya ‘serangan’ video-video propaganda Daesh yang semakin menjadi-jadi dalam media sosial. Selain itu, Daesh juga bergerak aktif dalam melancarkan media mereka sendiri yang dikenali sebagai *al-Hayat Media Centre* dan *Dabiq*.

Pokoknya, apabila realiti sebenar iaitu Daesh sebenarnya menggunakan universiti Mosul sebagai tapak operasi propaganda tidak dilaporkan maka kita selamanya akan berada di dalam kekeliruan mengenai punca kekuatan sebenar Daesh dalam melancarkan operasi propaganda global. Berita menakut-nakutkan seperti Daesh memiliki senjata nuklear tidak dapat disahkan dan ia hanya mampu mengelirukan masyarakat. Lebih-lebih lagi jika media arus perdana di Malaysia diserang penyakit *The Bandwagon effect* iaitu mereka pun bersama-sama melaporkan berita yang sama.

VIDEO SEBAGAI SENJATA PROPAGANDA

Berbeza dengan kumpulan militan yang pernah dihadapi oleh Malaysia seperti Komunis dan Al-Maunah, kumpulan Daesh mempunyai kebolehan menggunakan video dan media sosial untuk tujuan penyebaran ideologi dan ancaman. Antara platform utama yang digunakan adalah platform seperti Facebook dan Youtube. Dalam tulisan bertajuk *why do terrorist migrate to social media?* oleh Weimann (2016), beliau berkata, pertama sekali saluran media sosial adalah

saluran paling popular dikalangan khalayak Daesh, yang mana saluran ini boleh meletakkan organisasi pengganas ke tahap arus perdana. Kedua, saluran media sosial sangat mesra pengguna, dan percuma. Dan akhir sekali media sosial mampu membenarkan kumpulan pengganas berhubung dengan khalayak sasaran hanya seperti ‘mengetuk pintu rumah mereka’. Selain itu, ciri-ciri keselamatan tinggi untuk aktiviti perkongsian, muatnaik, muatturun video dan dokumen dengan pantas tanpa memerlukan komputer yang laju, sebaliknya hanya melalui platform telefon pintar telah berjaya menghubungkan ribuan pengganas Daesh lain serata dunia dengan mudah. Maka inilah sebab mengapa Daesh mampu menghasilkan video berbahasa Melayu untuk ‘pasaran’ Asia Tenggara.

Jelas, ancaman kumpulan pengganas Daesh melalui media sosial amat membimbangkan negara. Setakat ini, Daesh sudah menghasilkan dua bentuk video propaganda berkualiti tinggi. Lebih unik lagi apabila ianya dibuat dalam Bahasa Melayu. Menurut laporan media semasa, video pertama yang berbahasa Melayu dilaporkan pada Januari 25, 2015 dan video kedua adalah pada Jun 23, 2015. Menurut Marzukhi & Hasnan (2016), memetik ucapan dari Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay, video Daesh yang pertama bertajuk ‘mesej Awam kepada Malaysia’ dimana dua individu warganegara Malaysia yang dikenalpasti menjadi jurucakap dalam video tersebut adalah Abdul Halid dan Mohd Nizam. Menurut laporan oleh Sridharan (2016) pula, dalam video itu, kumpulan Daesh memberi amaran dengan berkata; jika kamu menangkap kami, jumlah kami akan bertambah tetapi jika kamu membiarkan kami, maka kami akan lebih dekat kepada usaha mengembalikan pemerintahan khalifah. Sesiapa yang menuduh kami sebagai Khawarij, Daesh atau ejen Mossad maka mereka adalah Syiah dan sekutunya. Amaran terakhir adalah, mereka tidak akan tunduk kepada sistem demokrasi sedia ada dan hanya mengikut undang-undang Allah.

Video Daesh kedua pula dilaporkan muncul pada Jun 23, 2016. Video yang bertajuk ‘Thogut’. Jurucakap Daesh di dalam video tersebut dikenali sebagai Mohd Rafi yang juga merupakan anggota Kumpulan Mujahiddin Malaysia (KMM). Menurut laporan dari My News Hub (2016), mesej di dalam video tersebut ditujukan khas kepada anggota polis Malaysia dimana ia berbunyi “bunuh mereka dimana sahaja yang anda jumpa. Jika anda ada kereta, langgarlah

mereka. Gunakan senjata dan pisau untuk tikam terus dada mereka”. Mohd Rafi menambah lagi, “kepada anda yang ada di Bukit Aman, anda tidak lagi aman. Kami bersedia untuk sembelih anda. Apabila kami datang, rakan-rakan kami di negara ini juga akan memburu anda habis-habisan”.

Kesan dari ancaman dan ugutan terbaru ini, kerajaan Malaysia kini melalui pelbagai agensi kerajaan telah melancarkan operasi besar-besaran bagi menangkap individu-individu yang disyaki terlibat dengan kumpulan pengganas. Pantauan akaun media sosial juga diperhebat bagi memastikan mereka tidak terlepas dari hukuman. Sejak 2015, ada rakyat Malaysia yang terpengaruh dengan ideologi Daesh sehingga membawa keluarga ke Syria. Menurut laporan Suara.tv (2015), ini termasuk anak berusia 1 hingga 12 tahun. Memetik kata-kata, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman, SAC Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay lagi, apa yang lebih membimbangkan apabila pengaruh Daesh ini semakin menjadi ‘virus’ sehingga mampu membuatkan penghijrahan secara berkeluarga dan setakat ini seramai lapan buah keluarga telah berada di Syria. Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay menambah lagi, pengaruh ideologi serta latihan yang diberikan kepada anggota Daesh dilihat terlalu kuat sehingga ada anggotanya yang merupakan rakyat Malaysia pernah memberi amaran untuk membunuh keluarganya sekiranya mereka bersama-sama kerajaan Malaysia cuba menentang Daesh.

Dalam melihat permasalahan ancaman Daesh ini, laporan dari mstar.com.my (2016) memetik kata-kata dari Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein sebagai berkata, “ancaman kumpulan militan Daesh yang kini dihadapi dunia merupakan satu fenomena baharu dan berbeza dengan ancaman yang pernah dihadapi oleh negara ini. Ancaman Daesh merupakan pengalaman dan cabaran baharu kepada negara susulan penggunaan landasan media sosial sebagai kaedah utama untuk merekrut anggota serta menyebarkan fahaman ekstremis kumpulan itu”. Datuk Seri Hishamuddin menambah lagi, “Malaysia telah melalui ancaman era kumpulan militan seperti Al Qaeda, Al-Maunah, Jemaah Islamiah (JI) dan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) sedekad lepas tetapi pendekatan Daesh adalah berbeza”.

Demi memperkuuh operasi membendung pengaruh Daesh di Malaysia, pelbagai usaha telah dilakukan. Bernama (2016) melaporkan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memantau 1,000 akaun Facebook yang membabitkan kumpulan pengganas yang aktif menyebarkan ideologi mereka dan merekrut anggota baru. Selain itu, Bernama (2016) turut melaporkan KDN juga memantau lebih 100 akaun twitter serta 50 laman web dan blog yang menjalankan aktiviti yang sama dan mengikut statistik tangkapan Daesh di Malaysia sejak 2013 hingga Mac 2016, seramai 177 rakyat Malaysia telah ditangkap dan disabitkan dibawah Akta Kesalahan dan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 SOSMA, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 2013 dan Akta Pencegahan Keganasan (POTA).

PERANGSARAF DAESH DI MEDIA SOSIAL

Perangsaraf Daesh melalui media sosial dengan menerbitkan dua video propaganda sudah cukup menggugat keselamatan negara Malaysia. Masalah menjadi semakin serius apabila ada rakyat Malaysia yang bersimpati dengan Daesh selepas menonton dua video tersebut dan menyumbang kepada statistik penangkapan dan penghijrahan rakyat Malaysia ke Syria dengan maksud yang salah. Setakat ini juga jelas bahawa Daesh menyedari perangsaraf media merupakan senjata ampuh lagi efektif dalam melawan sebuah kerajaan yang berdaulat seperti Malaysia. Apa yang mereka perlukan hanyalah sebuah video, hubungan internet dan platform media sosial untuk melancarkan operasi mereka. Daesh kini memahami bahawa ‘peluru-peluru’ ideologi lebih efektif dari peluru senjata api.

Selain itu, jika diperhatikan dengan teliti, Daesh tidak membuat video propaganda untuk ditujukan kepada kerajaan Malaysia semata-mata sebaliknya ia ditujukan kepada khalayak rakyat Malaysia juga. Ini bermaksud, Daesh yakin dengan taktik ini, orang muda dan golongan belia yang aktif melayari internet akan sedikit sebanyak terdedah kepada agenda Daesh yang terkandung dalam video tersebut. Dalam satu aspek lain pula, Daesh petah mengatur serangan perangsaraf mereka dari kedudukan yang sukar dipatahkan oleh anggota keselamatan kita, contohnya, penghasilan video tersebut dibuat di Syria, Iraq, Indonesia atau Selatan Filipina dan kemudian dimuatnaik ke dalam platform media sosial seperti Youtube dan Facebook. Oleh

kerana capaian Facebook dan Youtube adalah global, maka amat mudah video tersebut sampai ke khalayak sasaran mereka.

Terbukti medial sosial menjadi pemangkin ideologi Daesh dan ia telah memudahkan Daesh dalam misi menghasut rakyat Malaysia dan global amnya untuk mengikuti agenda mereka dan yang memburukkan keadaan adalah ruang media sosial yang terbuka dan sukar dikawal. Menurut Stern & Berger (2015), bukti yang meyakinkan telah mencadangkan bahawa media sosial pada amnya digunakan untuk menghalang penyertaan orang ramai ke dalam gerakan pengganas, akan tetapi, bagi mereka yang lemah dan mudah terpengaruh dengan keganasan, media sosial menjadi medan kegelapan dalam memberi peluang kepada kumpulan pengganas untuk merekrut dan mempengaruhi mereka. Manakala melalui Twitter dan Facebook pula, ia menjadi semakin mudah untuk orang ramai terjumpa dengan akaun-akaun golongan radikal dan pengganas dan platform telah menjadi pemudahcara kepada pengganas untuk mencari mangsa mereka yang terdiri dari masyarakat kebanyakkan.

MASALAH PENAPISAN KANDUNGAN DAESH DI MEDIA SOSIAL

Daesh yakin bahan seperti video, artikel, audio dan gambar yang bertujuan untuk menghasut dan mengancam amat mudah dipatahkan oleh sistem penapisan internet. Oleh kerana ini, pusat media Daesh seperti al-Hayat Media Center dan Dabiq telah menggunakan strategi baru iaitu dengan menggunakan pelbagai bahasa untuk menyampaikan ideologi mereka. Contohnya, jika internet mampu menapis dokumentari mereka bertajuk *Flames of War: The Fighting Has Just Begun*, apa yang Daesh perlu buat adalah menukar tajuk dokumentari tersebut kepada bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Melayu, Bahasa Turki, Bahasa Pashtun, Bahasa Indonesia, Tagalog dan sebagainya. Dengan cara ini penapisan di dalam internet hanya mampu menapis sebahagian sahaja bahan-bahan dari Daesh, selebihnya masih bebas terapung-apung di dalam platform media sosial dalam pelbagai bahasa yang lain dan kemudian disebarluaskan oleh pengikut mereka yang lain. Pihak berkuasa, pemerhati media sosial contohnya akan berada dalam keterpingaan dalam meramal siapa dan bila bahan-bahan propaganda seperti video Daesh akan tersebar lagi.

Menurut Weimann (2016), pada 2014, ISIS (Daesh) telah membuka banyak akaun media sosial yang digunakan untuk tujuan penyebaran video, audio, dan imej-imej melalui pelbagai saluran dan pelbagai bahasa, dengan cara ini mereka berjaya mengelakkan penapisan dalam talian internet. Benjamin (2016) juga menambah, untuk semua bentuk organisasi Jihad, “jihad melalui media” adalah bahagian paling penting dalam perang mereka. Kebolehan untuk berkomunikasi dengan mesej yang jelas dan ringkas kepada khalayak yang paling luas dalam masa yang sama menjadi media berprofil tinggi dengan tujuan untuk meyakinkan, mengukuhkan kawasan, menguatkan saranan, dan merekrut lebih ramai penyokong dan pejuang adalah strategi kritikal untuk organisasi Jihad terus berjaya dan hidup.

Selain itu, Daesh juga bukan sahaja aktif dalam media sosial malah mereka juga aktif dalam penyebaran maklumat melalui media tradisional lain seperti radio, poster, dan *billboard*. Sebagai contoh Daesh mempunyai siaran radio sendiri yang diberi nama *Al-Bayan*. Mula beroperasi pada tahun 2014 beberapa minggu selepas mereka menawan Bandar Mosul. Daesh juga mempunyai suratkhabar sendiri yang diberi nama *Al-Naba* yang mula beroperasi pada tahun 2012. Dalam kebanyakan masa, media tradisional Daesh seperti radio dan suratkhabar ini menyampaikan maklumat seperti waktu azan, bacaan Al-Quran, bacaan hadis dan sebagainya dalam pelbagai bahasa seperti Inggeris, Arab, Perancis dan Rusia. Namun, untuk suratkhabar *Al-Naba*, ia juga boleh didapati dalam bentuk pdf dan disebarluaskan ke dalam media sosial oleh penyokong Daesh.

Sebenarnya, dominasi Daesh dalam dunia penyiaran, secara spesifiknya, *narrowcasting* yang memfokus kepada khalayak media sosial tertentu telah bermula jauh lebih awal iaitu sekitar tahun 2006. Menurut Ahmad (2016), dalam bulan November 2006, selepas kumpulan itu melakukan penjenamaan nama sebagai *Islamic State of Iraq*, mereka telah menubuhkan *al-Furqan Institute for Media Production* yang berfungsi menghasilkan CD, DVD, poster, pamphlet dan produk propaganda yang berkaitan dengan internet. Ahmad (2016) menambah lagi, pada 2014, ISIL (Daesh) menubuhkan *al-Hayat Media Centre* untuk sasaran khalayak barat dan menghasilkan bahan-bahan dalam bahasa Inggeris, Jerman, Rusia dan Perancis. Dalam bulan Disember 2014, Pengarah Biro Penyiasatan Persekutuan iaitu James Comey mengatakan bahan

propaganda oleh ISIL (Daesh) sangat hebat. Mereka boleh melakukan penyiaran media dalam 23 bahasa yang berbeza.

Jelas Daesh juga tertakluk kepada penapisan dalam internet. Namun oleh kerana mereka menggunakan pelbagai cara dari media tradisional ke media sosial dan menggunakan sehingga 23 bahasa berbeza menyebabkan aktiviti penapisan sukar dibendung. Daesh juga mempunyai unit media yang sangat dedikasi dalam aktiviti penerbitan dan penyebaran ideologi. Boleh jadi Universiti Mosul adalah punca kepada operasi ini, namun selepas ia menjadi sasaran pengeboman oleh Amerika Syarikat dan sekutunya, Daesh mungkin sudah meluaskan operasi media ke tempat lain dan mereka juga mempunyai beberapa makmal media yang aktif di tempat yang berlainan, di Iraq, Syria atau di serata dunia.

Setakat ini mungkin kesimpulan boleh dibuat bahawa Daesh bertanggungjawab dalam menghasut orang ramai menyertai mereka. Walaubagaimanapun, perlu di ingat juga bahawa bahan-bahan video Daesh yang tersebar, sebahagiannya disebarluaskan oleh media arus perdana juga.

PERANAN MEDIA ARUS PERDANA DALAM PENYEBARAN IDEOLOGI DAESH

Selepas apa yang dibincangkan di perenggan-perenggan sebelum ini, kini kita sedar akan kemampuan Daesh dalam membuat serangan psikologi melalui media sosial. Melalui video dokumentari seperti *Flames of War: The Fighting Has Just Begun* yang ditujukan kepada rakyat Amerika Syarikat dan video *Thogut* yang ditujukan kepada rakyat Malaysia dan Indonesia sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada kumpulan sasaran mereka. Dengan modus operandi ini juga, Daesh hari ini berjaya memperkuatkan cengkaman ideologi mereka dan terus menerus membina pengaruh dan para simpati kepada pejuangan mereka. Oleh itu tidak pelik dan mustahil jika laporan berita dan buku para cendekiawan menghurai bahawa Daesh mampu menggantikan pejuang mereka yang terkorban. Malah ada rakyat Malaysia yang dihantar ke unit pengebom berani mati di atas alasan mati Syahid.

Langkah-langkah keselamatan untuk mengekang kemaraan Daesh menjadi semakin intensif. Kos, tenaga pekerja dan fokus pentadbiran negara juga terpaksa ditambah untuk

membendung masalah ini. Benar media sosial adalah punca utama perkembangan ideologi Daesh dan ideologi-ideologi ekstrem lain. Namun, media sosial tidak boleh dipersalahkan sepenuhnya. Ini kerana dalam satu aspek lain, media arus perdana kontemporari juga memainkan peranan sebagai katalis tidak langsung dalam membuat rakyat menjadi “celik Daesh”. Sebagai contoh, siapakah yang orang pertama sekali memperolehi video propaganda Daesh? Dan kemudian, media manakah yang pertama sekali melaporkan kewujudkan video ancaman dan hasutan Daesh?

Pada Ogos 2014, sebuah video menunjukkan seorang wartawan bebas bernama James Foley telah dikelar lehernya oleh anggota Daesh yang fasih berbahasa Inggeris berdialek London dan dia kemudian dikenali sebagai *Jihadi John* atau nama sebenarnya Mohammed Emwazi. Video tersebut bertajuk *A Message to America From the Islamic State Caliphate Supporters* telah dimuatnaik ke dalam platform media sosial iaitu Youtube dan sebaik ia mendapat perhatian penonton, ia telah dipadam dengan segera. Namun, salinan-salinan video tersebut terus tersebar sehingga ke hari ini. Contohnya jika seseorang membuat pencarian menggunakan enjin carian seperti Google, pasti video yang sadis lagi ganas tersebut boleh ditemui. Hal ini benar, menurut Nacos (2016), Kebanyakkan rakyat Amerika Syarikat masih belum menonton video James Foley dipenggal kepala oleh Daesh. Dalam Youtube, video tersebut telah ditapis dengan pantas. Walaupun video tersebut wujud di laman web lain, kebanyakkan orang masih tidak berani menonton kekejaman tersebut atau mereka masih tidak menemui klip video yang lengkap. Walaubagaimanapun, setiap orang yang menonton televisyen, mendengar radio, melawat internet atau membaca muka depan sukatkhabar sudah pun sedar mengenai berita pembunuhan tersebut. Laporan berita semasa James Foley di tangkap oleh ISIS (Daesh) sudah pun banyak dan laporan diperbanyak lagi selepas James Foley dibunu.

Jadual 2: Perkataan ‘Daesh’ Sebelum dan Selepas James Foley di Penggal Kepala

| Bulan Sebelum Video James Foley di Penggal Kepala (18 Julai – 18 Ogos 2014) | Bulan Selepas Video James Foley di Penggal Kepala 19 Ogos – 19 September 2014) |
|--|---|
|--|---|

| | | |
|----------|----|-----|
| Newsweek | 3 | 15 |
| CNN.com | 45 | 296 |

Sumber: Marrisa Young (2015) dalam Brigitte L. Nacos (hlmn. 354; 2016) diterjemahkan oleh Ahmad Saufiyan (2016)

Jadual diatas hanyalah contoh digunakan untuk menunjukkan bagaimana media arus perdana di barat memainkan peranan dalam menyebarkan aktiviti kekejaman Daesh dan disini boleh disimpulkan juga bahawa khalayak Amerika Syarikat atau mereka yang berbahasa Inggeris mengenali Daesh dan video mereka melalui media arus perdana dan bukannya dari sayap media Daesh seperti Dabiq atau al-Hayat. Tanpa ‘bantuan’ media barat, berita mengenai Daesh mungkin tidak sampai ke mata dan fikiran kebanyakan rakyat Amerika Syarikat dan mereka yang berbahasa Inggeris. Berita sensasi seperti kepala dipenggal menarik minat pembaca oleh itu dalam jadual tersebut boleh dilihat pada 19 Ogos 2016 hingga 19 September 2016, perkataan ISIS (Daesh) digandakan penggunaannya dan ini jauh berbeza dengan bulan sebelumnya dimana mangsa hanya ditangkap dan masih hidup.

Selepas video *Flames of War: The Fighting Has Just Begun* pada September 2014 oleh Daesh ditapis Youtube dan disaat masih ramai tidak tahu mengenai kewujudannya, media arus perdana barat seperti CNN International, BBC News, dan NBC News pula gigih melaporkan berita tersebut. Walaupun biasanya mereka tidak memuatnaik video penuh tapi melaporkan kewujudkannya pun sudah cukup menjadikan khalayak media sosial mengenali Daesh dan seterusnya menjadikan mereka ‘celik Daesh’.

Intensiti laporan menjadi berlipatganda apabila media-media yang disebut ini menggunakan Facebook untuk membuat penyebaran berita. Facebook CNN International contohnya, setakat dilaporkan pada saat ini iaitu 13 September 2016 mempunyai ‘likers’ sebanyak 12,915,047, BBC News pula mempunyai 33,002,886 ‘likers’ dan NBC 7,817,195 ‘likers’. Jumlah ini jika dicampur akan menjadi 53,735,128 ‘likers’. Bayangkan jika laporan berita mengenai video dokumentari *Flames of War: The Fighting Has Just Begun* disebarluaskan hanya menggunakan tiga platform media sosial ini sahaja. Berapakah jumlah khalayak yang akan

terdedah dengan berita ini? Sudah tentu jumlah capaian minimum percuma yang dikawal oleh algoritma Facebook mencecah lebih dari satu juta orang. Pemilik akaun Facebook juga mempunyai peluang untuk meningkatkan jumlah capaian khalayak sama ada 50% atau 100% dengan bayaran tambahan tertentu. Ini belum dikira platform media antarabangsa lain seperti The Washington Post, Business Insider, MSN News dan sebagainya yang akan membantu melaporkan berita mengenai dokumentari tersebut tersebar dengan luas.

Samada Malaysia memperolehi berita mengenai isu yang sama dari agensi antarabangsa, berita antarabangsa atau agensi berita domestik, berita ini pasti akan diterbitkan juga oleh media di Malaysia seperti Sinar Harian, New Straits Times, The Star Online dan Malaysiakini. Laporan berita di Malaysia unik kerana ia akan dilaporkan dalam beberapa bahasa iaitu seperti bahasa Cina, Melayu, Tamil, Inggeris, Dusun, Kadazan, dan Bahasa Melayu Sarawak. Jadi untuk video dokumentari Daesh seperti *Flames of War: The Fighting Has Just Begun* untuk tersebar ia perlu melalui beberapa proses penterjemahan bahasa dan kemudian barulah disesuaikan ke dalam media massa tertentu. Selain itu, capaian khalayak menjadi lebih baik apabila laporan berita ini disebarluaskan melalui platform media sosial seperti Facebook dan dihubungkan bersama laporan video dan fotej video yang diubahsuai. Rata-rata juga media Malaysia yang disebut tadi mempunyai platform Facebook sendiri seperti Nanyang Siang Pau untuk bahasa Cina, Sinar Harian untuk bahasa Melayu, Tamil Nesan untuk bahasa Tamil, New Straits Times untuk bahasa Inggeris, serta Borneo Post Online untuk bahasa Dusun dan Kadazan. Pokoknya, sistem pemberitaan yang adatif dan kompleks di Malaysia telah menyumbang kepada penyebaran laporan mengenai video dokumentari Daesh.

KESIMPULAN

Daesh merupakan ancaman baru kepada dunia hari ini. Selain senjata api, Daesh memiliki kebolehan menggunakan media sosial sebagai senjata. Video merupakan instrumen perangsaraf dan propaganda Daesh paling ampuh. Pada awalnya video dan media sosial digunakan untuk menimbulkan rasa takut pada kerajaan dan rasa terpesona pada para simpati. Namun, persoalan mula timbul bila semakin banyak video-video propaganda Daesh yang kejam dikeluarkan bertali-arus, apakah motif Daesh sebenarnya?

Bahagian kesimpulan ini tidak mungkin boleh merumuskan masalah pengganas hari ini dengan mudah. Namun apa yang boleh rumuskan sebaliknya adalah Daesh adalah satu nama yang perlu diberi perhatian jika tidak mereka akan memberi ancaman kepada keselamatan Negara, keselamatan manusia dan keselamatan siber. Di Asia Tenggara, Daesh dikenali sebagai Katibah Nusantara. Indonesia, Malaysia dan Filipina menjadi kawasan yang subur dalam pembiakkan pengganas Daesh berbaka Melayu. Kesan Berbola Salji membuatkan pengikut yang sedikit ini berkembang menjadi besar kerana mereka mengajak ahli keluarga terjun ke gaung ideologi keganasan ini. Selain itu, oleh kerana majoriti penduduk di Asia Tenggara merupakan rumpun Melayu maka peratusan Daesh untuk mengumpul pejuang dikalangan orang Melayu juga adalah tinggi dan mudah. Selagi video-video Daesh bermaharajalela di dalam media sosial maka ancaman Daesh akan sentiasa mampan. Hal ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana semakin lama ia akan mengalami fasa disensitiviti; iaitu satu keadaan masyarakat mula melihat keganasan Daesh sebagai sesuatu yang normatif.

Kemajuan teknologi internet memainkan peranan dalam perkembangan sebarang bentuk ideologi. Semakin laju, murah dan meluas capaian internet maka semakin laju juga penyebaran ideologi-ideologi asing. Hari ini tidak sama seperti hari-hari dalam tahun 1990an. Internet hari ini merupakan keperluan spesis manusia. Seperti ikan memerlukan air dan haiwan lain memerlukan habitatnya untuk hidup, begitulah pentingnya internet kepada manusia hari ini yang sentiasa dahagakan maklumat. Metaforanya, kita boleh memetik kata-kata emas P.T. Barnum yang berbunyi, manusia yang tidak mempunyai suratkhabar maka dia terpisah dari spesisnya. P.T. Barnum memberi maksud ‘suratkhabar’ adalah satu bentuk maklumat. Manusia adalah hidupan yang memerlukan maklumat dan maklumat kepada manusia adalah penting seperti makanan, minuman dan oksigen. Begitu juga penggunaan internet akan sentiasa bertambah dan medan ruangan siber akan menjadi tempat pertukaran maklumat, perkongsian idea dan penyebaran pelbagai ideologi, samada buruk atau baik.

Namun di dalam mencari maklumat, Daesh sudah pun menyisipkan maklumat mengenai keberadaan mereka dalam media sosial. Video-video propaganda kejam menjadi mata kail dan umpan yang efektif dalam menarik minat media arus perdana untuk memberi liputan kepada

Daesh. Daesh menjadi popular bila video mereka dilaporkan oleh media massa arus perdana. Mungkin juga jika video-video mereka tidak dilaporkan oleh media barat dan media Malaysia, Daesh pun tidak berminat memotong leher manusia lain. Media arus perdana harus berhenti membuat liputan terhadap atau mengenai Daesh. Lebih baik laporan yang ada cuma diberikan kepada bahagian perisikan tentera, polis atau Majlis Keselamatan Negara sahaja. Ini kerana mereka mempunyai polisi dan dasar untuk membuat keputusan mengenai isu pengganas. Tapi jika dilaporkan pada rakyat, apakah yang rakyat mampu buat? Menyertai Daesh kerana terpengaruh atau mereka akan membenci Daesh? Keadaan sekarang menunjukkan wujud dua kelompok rakyat yang mana satu terpengaruh dan kemudian menyertai Daesh dan yang kedua adalah mereka yang tidak bersetuju. Walaubagaimanapun, mungkin juga wujud kelompok ketiga iaitu golongan rakyat yang ragu-ragu mengenai Daesh adalah paling bahaya kerana persepsi dan pemikiran mereka boleh berubah dari anti ke pro Daesh. Cuma kita tidak tahu siapa, dimana, dan bila mereka akan membuat keputusan dan pokok kepada masalah yang bakal datang ini adalah video-video Daesh yang disebarluaskan bertali arus dalam media sosial.

Daesh membawa ideologi paradoks. Satu aspek mereka Sunni Islam dan satu aspek lagi mereka seperti dirasuk Iblis dengan membunuh orang ramai tidak bersenjata. Ideologi paradoks begini adalah punca kepada wujudnya golongan khalayak ketiga yang keliru. Ilmu pemikiran seimbangan dan Semantik Umum oleh Kozybsky yang bincangkan oleh Profesor Madya Rajib Ghani, iaitu bekas Pengarah dan Pengasas Pusat Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi MARA boleh dipertimbang untuk menambah baik operasi-operasi anti pengganas hari ini. Urusan menangani masalah pengganas seperti Daesh adalah urusan yang memerlukan daya tujuan kolektif dari pelbagai pihak. Perbincangan Meja Bulat, Kolokium dan Ceramah antara jabatan kerajaan boleh diusahakan dan melalui medium ini, seterusnya barulah solusi jangka panjang boleh difikirkan dan digubal demi kemakmuran sejagat. Malaysia perlu menjuarai isu keganasan hari ini dan memetik kata-kata seorang guru dalam ilmu perangsaraf media dan informasi iaitu, Profesor Madya Rajib Ghani, “Malaysia perlu menjadi mediator antara Negara barat dan Timur Tengah untuk mencapai kedamaian”.

BIODATA

Ahmad Sauffiyan Abu Hassan adalah pensyarah Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif. Bidang kepakaran beliau adalah perangsaraf media dan informasi. Beliau mendapat ijazah kedoktoran dari Pusat Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi, Universiti Teknologi MARA.

RUJUKAN

- Ahmad, S. 2016. ISIS. The Rise of New Terror. Book Around Publishing
- Anon. 2016. Ancaman daesh fenomena baharu. <http://www.mstar.com.my/berita/berita-Semasa/2016/07/06/ancaman-daesh-fenomena-baru/> [19 Ogos 2016]
- Anon. 2016. Militan Daesh mula ancam serius hancurkan Malaysia.
<http://www.mynewshub.cc/2016/06/23/militan-daesh-mula-ancam-serius-hancurkan-malaysia/> [19 Ogos 2016]
- Anon. 2015. Jumlah rakyat Malaysia sertai militan IS meningkat.
<http://www.suara.tv/2015/03/05/jumlah-rakyat-malaysia-sertai-militan-is-meningkat/> [19 Ogos 2016]
- Alazeg, A. A. 2016. Management of Savagery. (hlmn. 44). Pittsburgh: Dorrance Publishing Co.
- Armandhanu, D. 2016. Katibah nusantara, sayap melayu ISIS dan ancaman bagi Asia.
<http://www.cnnindonesia.com/internasional/20160125131234-106-106475/katibah-nusantara-sayap-melayu-isis-dan-ancaman-bagi-asia/> [19 Ogos 2016]
- Benjamin, S. 2016. Understanding the ISIS Media Apparatus: Distribution Networks And Practices. <http://www.memrijttm.org/understanding-the-isis-media-apparatus-distribution-networks-and-practices.html> [9 September 2016]

Bernama. 2016. KDN pantau 1,000 akaun FB babitkan pengganas.

<https://www.malaysiakini.com/news/336752> [19 Ogos 2016]

Bolanos, H. 2016. Hi-Jacked Islam. hlmn. 96. Connecticut: Ics Inc

DeBruyne, N.F. & Leland, A. 2015. American War and Military Operations Casualties: Lists and Statistics. Congressional Research Service, RL32492. hlmn. 2-3.

<https://www.fas.org/sgp/crs/natsec/RL32492.pdf> [13 September 2016]

Hafemeister, D. 2016. Nuclear Proliferation and Terrorism in the Post-9/11 World. Switzerland: Springer

Jaconson, L. 2013. PBS commentator Mark Sheilds says more killed by guns since 68' than in all U.S. wars. <http://www.politifact.com/truth-o-meter/statements/2013/jan/18/mark-shields/pbs-commentator-mark-shields-says-more-killed-guns/> [13 September 2016]

Mauro, R. 2014. ISIS releases 'flames of war' feature film to intimidate west.

<http://www.clarionproject.org/analysis/isis-releases-flames-war-feature-film-intimidate-west#> [7 September 2016]

Marzukhi, H. & Hasnan, H.A. 2016. Video Ancaman: Polis Kenal Pasti Dua Militan Daish Warga Malaysia. <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/video-ancaman-polis-kenal-pasti-dua-militan-daish-warga-malaysia-91274> [19 Ogos 2016]

Nacos, B.L. 2016. Terrorism and Counterterrorism. hlmn. 354. New York: Routledge

Rasheed, A, 2015. ISIS: Race to Armageddon. hlmn. 100. New Delhi: Vij Books India Pvt Ltd

-
- Reddy, G.M.M., & Lavanya, R. 2015. Social media marketing issues and challenges dlm, Trends, Challenges & Innovations in management oleh Miryala, R.K. & Reddy, M.V.R. (pnyt.). Hyderabad: Zenon Academic Publishing
- Sibalinggam, M. 2016. Southeast Asia: Malaysia. Dlm. Gunaratna, R & Kam, S. (pnyt.). Handbook of Terrorism in the Asia-Pacific, hlm. 53. London: Imperial College Press
- Sridharan, V. 2016. ISIS releases new threat video against Malaysia prompting security scale-up. International Business Times. <http://www.ibtimes.co.uk/isis-releases-new-threat-video-against-malaysia-prompting-security-scale-1539841#> [19 Ogos 2016]
- Stern, J, & Berger, J.M. 2015. Isis: the state of terror. New York: Harper Collins.
- The Wall Street Journal. 2016. Islamic state hijacks Mosul university chemistry lab for making bombs. <http://www.wsj.com/articles/islamic-state-hijacks-mosul-university-chemistry-lab-for-making-bombs-1459503003> [9 September 2016]
- Weimann, G. 2016. Why do terrorist migrate to social media? Dlm. Aly, A., Macdonald, S. Jarvis, L. & Chen, T. (pnyt). Violent extremism online: new perspective on terrorism and the internet, hlm. 48. London: Routledge
- York, R. 2015. Know thy enemy: Islamic state of Iraq and the levant. North Carolina: Lulu Press Inc.
- Zul'Azmi Yaakob & Ahmad Sunawari Long. 2015. Terrorisme sebagai cabaran ideologi Muslim masa kini: satu analisis dari perspektif falsafah. *International Journal of Islamic Thought* Vol. 7: (June) 2015. 58-63